BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Telefon 60(3) 2698-8044
Faksimili 60(3) 2698-2468
Web www.bnm.gov.my

Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Bilangan Kami :

26 September 2017

YB Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail
Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia
Pejabat Ketua Pembangkang
Tingkat 14 Blok Menara
Bangunan Parlimen
50680 Kuala Lumpur

YB Datuk Seri,

Memorandum Berhubung Dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB)

Kami merujuk kepada memorandum pihak YB Datuk Seri bertarikh 2 Ogos 2017 mengenai perkara di atas.

2. Seperti YB Datuk Seri sedia maklum, siasatan yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (Bank) terhadap pelanggaran Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 oleh 1MDB telah dimuktamadkan pada bulan Mei 2016 dengan pembayaran kompaun oleh 1MDB. Memandangkan kandungan dokumen kes saman "Department of Justice", Amerika Syarikat yang dilampirkan bersama memorandum pihak YB Datuk Seri juga melibatkan isu di bawah undang-undang yang ditadbir oleh agensi penguatkuasaan yang lain, Bank Negara telah dan akan terus memberi kerjasama sepenuhnya kepada mana-mana agensi penguatkuasaan yang berkaitan dalam siasatan yang dijalankan berdasarkan undang-undang sedia ada dan protokol antarabangsa.

3. Bank memandang serius isu integriti dan kebolehpercayaan dalam sektor kewangan dan sentiasa memastikan entiti-entiti di bawah kawalseliaan Bank tidak disalahgunakan untuk kegiatan haram atau terlibat dalam aktiviti yang boleh menjejaskan keselamatan, kekukuhan dan integriti entiti terbabit dan industri kewangan secara amnya. Untuk makluman YB Datuk Seri, sebanyak RM115.8 juta kompaun dan penalti pentadbiran telah dikenakan dari tahun 2015 hingga Jun 2017 ke atas entiti-entiti berkaitan.

4. Keprihatinan dari pihak YB Datuk Seri amat kami hargai dan diiringi dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(Wan Mohd. Nazri Wan Osman)
Ketua Penasihat Undang-Undang

Jabatan Undang-Undang